
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

JKP 418 – Ekonomi Politik Malaysia

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** soalan. Bahagian A wajib dijawab. Pilih **DUA** soalan dari Bahagian B.

Baca arahan dengan teliti sebelum menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 100 markah.

BAHAGIAN A (wajib)

1. Baca pernyataan di bawah dan jawab soalan berikutnya:

“Dasar sekurang-kurangnya 30 peratus pemilikan ekuiti di kalangan bumiputera menjelang tahun 2010 merupakan salah satu sasaran agenda bagi memastikan pembangunan dan pengagihan seimbang antara etnik dan wilayah. Justeru, dasar sekurang-kurangnya 30 peratus pemilikan ekuiti korporat di kalangan bumiputera akan terus dikekalkan, begitu juga dengan strategi serta program pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat bagi mencapai pembangunan seimbang.... Melalui kesetaraan dan kesaksamaan agihan tersebut, kerajaan dapat menjamin dan memastikan wujudnya keharmonian kaum, dan seterusnya membawa kepada kestabilan dan kesejahteraan negara. Ia juga boleh membawa kepada penyatuan etnik yang akan menggerakkan pembentukan masyarakat Malaysia yang bersatu padu.” (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, jawapan bertulis di Parlimen, *Utusan Malaysia*, 23 Mac 2007).

Sejauh manakah dakwaan Abdullah Ahmad Badawi di atas dapat dipertahan dalam konteks ledakan ketidak puashatian dalam kalangan sebahagian komuniti bukan Bumiputera, contohnya minoriti India, sejak kebelakangan ini?

(100 markah)

BAHAGIAN B (jawab dua soalan)

2. Dr. Mahathir Mohamad telah mengkritik Abdullah Ahmad Badawi kerana menggugurkan projek-projek mega dalam strategi pembangunan ekonominya (Majalah *Time*, 6 November 2006). Berdasarkan kritikan Dr. Mahathir, analisis pengaruh kelas kapitalis besar dalam ekonomi politik parti pemerintah di Malaysia.

(100 markah)

3. Menurut dapatan sebuah kaji selidik, mobilisasi sosial dan politik melalui NGO atau organisasi masyarakat sivil di Malaysia tidaklah sampai ke tahap yang hebat, namun ini tidak menafikan bahawa “kumpulan-kumpulan sivil mempunyai impak yang penting ke atas proses politik dan menjuarai perjuangan politik berdasarkan keprihatinan dan isu universal.” (Profesor Johan Saravanamuttu, ‘Is There a Politics of the Malaysian Middle Class?’ dalam Abdul Rahman Embong (ed.), *Southeast Asian Middle Classes*, 2001).

Apakah faktor-faktor yang menghalang pertumbuhan kelas menengah yang vokal dalam menuntut reformasi politik di Malaysia? Sokong jawapan anda dengan fakta seperti nama dan aktiviti kumpulan-kumpulan kelas menengah baru yang dilihat aktif sebagai agen mobilisasi politik.

(100 markah)

4. Timbalan Menteri Sumber Manusia, Abdul Rahman Bakar, pernah menuduh Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) sebagai didalangi oleh parti pembangkang, tetapi ini dinafikan oleh Presiden MTUC Syed Shahir Syed Mohamud. Apakah kesannya kepada ekonomi politik Malaysia sama ada MTUC dipengaruhi pembangkang atau tidak?

(100 markah)

5. Huraikan dengan ringkas dan padat tentang tiga (3) perkara berikut:

- (i) Federal Land Development Authority (FELDA)
- (ii) Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputra (MPPB)
- (iii) Majlis Amanah Rakyat (MARA)
- (iv) Akta Hubungan Industri 1967
- (v) Gagasan Badan Ekonomi Melayu (GABEM)

(100 markah)